

Headline	KWSP, TH mampu beri dividen lebih kompetitif		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	B1	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	485 cm ²
Journalist	Mahanum Abdul Aziz	AdValue	RM 16,718
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,155



KWSP, TH mampu beri dividen lebih kompetitif



6.4 PERATUS
dividen KWSP 2015

5 PERATUS
bonus tahunan TH 2015

3 PERATUS
bonus haji 2015

Rekod, strategi sandaran optimis keupayaan institusi

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Penganalisis pasaran optimis Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Lembaga Tabung Haji (TH) masih mampu memberikan dividen serta bonus tahunan yang kompetitif bagi 2016, meskipun berdepan persekitaran pasaran domestik dan global yang mencabar.

Keyakinan itu bersandarkan rekod yang dicatatkan pengurusan dana persaraan dan pengurus simpanan jemaah haji itu dalam menguruskan pelaburan serta kemampuan mereka memberikan dividen serta bonus tahunan yang kompetitif setiap tahun.

Penganalisis pasaran juga peraya dengan strategi kepelbagaihan

merentasi kelas aset dalam beberapa negara dan pasaran membuka peluang kepada kedua-dua institusi berkenaan untuk menjana keuntungan di tengah-tengah persekitaran yang mencabar.

Sasaran pelaburan strategik

Tambahan pula, pengurusan dana persaraan seperti KWSP mempunyai sasaran pelaburan strategik sekurang-kurangnya 2.5 peratus dividen nominal sejajar dengan peruntukan Akta KWSP 1991 dan sekurang-kurangnya dua peratus pulangan melebihi inflasi untuk purata tiga tahun berturut-turut.

Pengarah Jupiter Securities Sdn Bhd, Nazarry Rosli (gambar), berkata memang tidak dapat difikirkan, persekitaran pasaran sepanjang tahun lalu yang tidak menentu menjadikan pelaburan, terma-



Dengan persekitaran pasaran mencabar dan turun naik yang tidak menentu, jika dividen yang diberikan mengatasi kadar simpanan tetap pun sudah dianggap cukup baik"

Nazarry Rosli,
Pengarah
Jupiter Securities Sdn Bhd

suk portfolio yang membabitkan KWSP dan TH.

Katanya, ini termasuk berikut kejatuhan berterusan harga minyak mentah dan komoditi utama lain, pertumbuhan perlahan ekonomi global, kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat (AS) dan langkah Britain meninggalkan Kesatuan Eropah (EU).

Beliau berkata, prestasi pasaran saham tempatan juga menerima tekanan daripada ketidaktentuan di pasaran global yang memperlihatkan indeks penanda aras FBM KLCI terus mencatatkan pulangan negatif untuk tiga tahun berturut-turut.

Beri pulangan kompetitif

"Sudah pasti, keadaan turun naik yang tidak menentu di pasaran global, termasuk ekuiti dan tukaran asing menjadikan pela-

buran. Apa yang pasti, mereka (KWSP dan TH) akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memberikan pulangan yang kompetitif," katanya ketika dihubungi BH di Kuala Lumpur.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai jangkaan dividen KWSP dan TH untuk 2016.

Nazarry menambah, dengan persekitaran pasaran mencabar dan turun naik yang tidak menentu, jika dividen yang diberikan mengatasi kadar simpanan tetap pun sudah dianggap cukup baik.

"Agihan pendapatan skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) sebanyak 6.75 sen seunit dan bonus 0.54 sen seunit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 adalah cukup baik jika diambil kira prestasi pasaran bagi keseluruhan tahun ini," katanya.